

# Rizal Tokoh Penerbitan UTHM

AMAT jarang kita temui seorang tenaga akademik aliran sains dan teknologi menerima anugerah kesusasteraan. Bata-rata anugerah seumpama itu didominasi oleh mereka yang berlatarbelakangkan sastera mahupun aliran pengurusan lain.

Tetapi tidak bagi pensyarah muda berusia 31 tahun ini yang kini sedang mencurahkan bakti khidmat buat anak bangsa di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Muadzam Shah (PMS) Pahang.

Beliau yang dimaksudkan ialah Mohd Rizal Azman Rifin, anak kelahiran Kampung Chendering, Kuantan. Baru-baru ini bertempat di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, Johor, beliau dengan megah menaiki tangga Dewan Korvokesyen universiti berkenaan untuk menerima anugerah sebagai Tokoh Penerbitan sempena korvokesyen UTHM.

Menurutnya, penglibatannya dalam bidang penulisan memang sudah berakar umbi sejak di bangku sekolah lagi. Kini semangat itu semakin bersemarak tinggi meskipun saban hari sentiasa dihambat waktu menyempurnakan tugas pengajaran.

"Semasa saya pertama kali berkhidmat sebagai pensyarah di Politeknik Kuching dan Mukah, Sarawak saya sudah pun bergiat secara aktif dalam bidang penulisan, khususnya berkenaan paparan berita semasa hal ehwal kegiatan di kampus

FOTO: WAW MOHO RIZLAN IWAN OMAR



Rizal (duduk) bersama rakan sejawat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PMS.



Rizal (kanan) ketika menerima anugerah tersebut.

politeknik.

"Alhamdulillah, sumbangan saya dihargai oleh Alumni UTHM sehingga mereka memberikan penghormatan tertinggi buat saya untuk menerima anugerah Tokoh Penerbitan," katanya yang juga Ketua Felo di PMS.

Tentang masa depannya dalam bidang penulisan, Mohd Rizal memberitahu yang dia sedang menyiapkan sebuah manuskrip

buku motivasi bercorak agama untuk dinilai oleh Penerbitan Karya Bestari, Kumpulan Media Karangkrif sebagai langkah mengembangkan bakatnya dalam penulisan.

"Insya-ALLAH saya amat yakin akan mampu menyiapkan manuskrip buku motivasi tersebut kerana memang sejak dulu lagi saya begitu meminati buku seumpama ini," katanya.